

eISSN 2600-9811
June - November 2021

# FPP BizNewz

INVESTMENT MANAGEMENT ECONOMICS MARKETING TECHNOLOGY

## MERDEKA
EKONOMI 2021

## To Online Or Not?

## ANXIETY DISORDER
Jangan Ambil Mudah

## JEBAT
Si Maine Coon

## Do We Look Older Or Younger Than We Really Are?

## SOLAH
A Testimony of Success

## MUSLIM FRIENDLY TOURISM
The Promising Tourism Segments For Malaysia

Photo by Polina Kuzovkova on Unsplash

eISSN 2600-9811




# MAJLIS TASMI' TAHFIZ AL-QURAN (TTA) KE-5

## PROGRAM JOM BERTASMI' (PROJEK i-TTA)

[1]Wan Anisabanum Salleh, [2]Noorimah binti Misnan &
[1] Suhaily Maizan binti Abdul Manaf
[1]Fakulti Pengurusan dan Perniagaan,
[2]Fakulti Undang-Undang, UiTM Cawangan Terengganu

Program Tasmi' Tahfiz Al-Quran (TTA) ke-5 telah berjaya dilaksanakan di peringkat kebangsaan, berkolaborasi bersama Sani Express Sdn. Bhd., Tegas Venture Resources, Sani United Veteren, Elfra Group dan Syarikat Nadzam Holdings Sdn. Bhd. Seramai 52 peserta yang terdiri daripada pelajar universiti, staf universiti dan pelajar sekolah telah berjaya mengikuti program yang diadakan di Bilik Mesyuarat Utama, UiTM Cawangan Terengganu Kampus Dungun. Program berjaya dilaksanakan dengan menggunakan platform atas talian iaitu google meet pada 26hb hingga 30hb November 2020.

Matlamat utama program ini adalah untuk memperkemaskan sistem hafazan pelajar-pelajar UiTM dengan lebih teratur dan memberi peluang kepada mereka untuk memperbaiki sistem hafazan mereka mengikut kategori Juz Amma,

 eISSN 2600-9811

Surah Pilihan dan Juzuk serta surah-surah yang telah dihafal. Antara objektif yang dicapai ialah strategi tasmi' tahfiz mengikut kategori yang ditetapkan untuk memperolehi sijil penyertaan. Para peserta dapat memperbaiki sistem hafazan dengan tasmi' bersama para panel yang telah dilantik. Peserta juga berpeluang mendapatkan khidmat nasihat dari penasihat pelajar tahfiz supaya para peserta meneruskan tasmi' dengan lebih teratur. Selain daripada itu, peserta dan alumni turut dapat bertukar idea dan berkongsi pengalaman untuk mencapai kejayaan dalam bidang akademik atau kokurikulum seiring dengan menghafal al-Quran.
Panel penilai terdiri daripada 14 pensyarah dan 6 moderator diketuai oleh Dr. Azarudin Awang untuk menilai hafazan peserta dalam 6 kumpulan.
Penganugerahan untuk peserta universiti diumumkan oleh Dr. Wan Anisabanum Dato' Salleh dan Puan Nurul Syuhada Badaruddin. Manakala penganugerahan untuk peserta sekolah diumumkan oleh Encik Muhamad Hafiz Aizat Hassan.




Antara pelajar yang mendapat Anugerah Pelajar Hafazan kategori Juz Amma adalah Cik Nur Nabila Shuhada Rajmee dari Universiti Teknologi MARA (UiTM), kategori surah pilihan adalah Cik Intan Nor Amnani Abdul Rahman dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan kategori juzuk adalah Encik Haiqal Mokhlis Muhammud dari Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS). Manakala Anugerah Pelajar Hafazan terbaik peringkat diploma telah dinobatkan kepada Encik Muhammad Amsyar Arshad (Diploma Muamalat,




UiTM) dan peringkat ijazah dianugerahkan pada Encik Muhammad Hanif Othman (Sarjana Muda Pentadbiran dan Perniagaan, UiTM). Tokoh Alumni Hafazan disandang oleh Encik Muhamad Hafiz Aizat Hassan yang merupakan guru di Sekolah Rendah Islam Al Amin, Dungun manakala Anugerah Staf Hafazan terbaik dianugerahkan kepada Puan Salwani Affandi (pensyarah UiTM).




Bagi kategori pelajar sekolah yang berjaya mendapat Anugerah Pelajar Hafazan kategori juzuk adalah Cik Liyana Syahindah Othman dari Sekolah Menengah Agama Sultan Ismail, kategori surah pilihan






adalah saudara Mujahid Er Rizqie Mohd Zulhilmie dari Sekolah Rendah Integrasi Tahfiz Islam dan kategori Juz Amma adalah saudara Muhammad Ammar Al Nassir Ahmad Ismail dari Sekolah Rendah Kebangsaan Batu 7. Anugerah Pelajar Hafazan terbaik disandang oleh saudara Hawwas Ahnaf Bin Mohd Hazimin dari



Sekolah Rendah Islam Al Amin.

Melalui program ini, penyelidikan dapat dijalankan dan seterusnya model i-Tasmi' boleh dikemaskini serta ditambah baik di bawah projek i-Tasmi' supaya dapat dimanfaatkan oleh peserta dalam Program Tasmi' Tahfiz al-Quran di peringkat antarabangsa yang akan diadakan pada 30 Oktober sehingga 1 November 2022.









eISSN 2600-9811


Challenging behavior
occurs when the demands
and expectations being
placed upon a child
outstrip the skills they
have to respond
adaptively.

Twitter



eISSN 2600-9811

Photo by Polina Kuzovkova on Unsplash